

BANTUAN AWAL PENGAJIAN IPT DALAM DAN LUAR NEGARA

Objektif

1. Meringankan bebanan para ibu bapa dalam menampung kos keperluan pengajian anak-anak mereka ke pusat pengajian.

Asnaf

1. Fisabilillah dan Miskin.

Syarat – syarat

1. Pemohon adalah rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu atau pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.
2. Beragama Islam, baligh, berakal dan merdeka.
3. Pelajar yang baru mendapat tawaran melanjutkan pengajian.
4. Tahap pengajian yang dipertimbangkan adalah Sijil/Pra Diploma/Asasi/Matrikulasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).
5. Layak dipertimbangkan bantuan sekali sahaja untuk setiap satu (1) tahap pengajian.
6. Permohonan perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pendaftaran pengajian.
7. Pemohon tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri.
8. Tempoh pengajian tidak kurang dari enam (6) bulan.
9. Permohonan bantuan tidak boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat mana-mana ibu dan bapa pemohon tidak menunaikan sepenuhnya zakat kepada MAIDAM jika bekerja di negeri Terengganu.

Senarai Semak Dokumen

1. Surat tawaran belajar yang rasmi.
2. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa/ penjaga dan adik beradik dalam tanggungan.
3. Salinan sijil SPM/ STPM/ sijil berhenti sekolah.
4. Salinan slip gaji/ akuan pendapatan/ penyata pencen terkini ibu bapa/ penjaga. * Penyata pencen/ kad pesara adalah bagi pesara kerajaan sahaja.
5. Surat pengesahan mastautin terkini bagi pemohon yang kelahiran luar Negeri Terengganu dan telah bermastautin di Negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.
6. Salinan sijil kematian / cerai (jika berkaitan).
7. Salinan tiket penerbangan bagi pelajar luar negara.
8. Slip permohonan.

*Slip permohonan, surat akuan pendapatan dan surat akaun mastautin hendaklah menggunakan borang yang telah di sediakan oleh Yayasan Pendidikan MAIDAM. Dokumen tersebut perlu di cetak dan disahkan oleh pihak yang berautoriti di kawasan berkenaan sahaja sama ada Amil Zakat/ Pengerusi Masjid/ JPKK/ Penghulu/ Yang Berhormat (YB).